

## **PENGURUSAN NIKAH, CERAI DAN RUJU' NEGERI PULAU PINANG DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1. Bolehkah saya melangsungkan akad nikah sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ?**

Tidak, selaras dengan arahan Kerajaan melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua urusan majlis akad nikah di Negeri Pulau Pinang hendaklah **DITANGGUHKAN** sehingga tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

- 2. Bolehkah saya buat rayuan untuk mengadakan majlis akad nikah di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ? Saya telah mendapat surat kebenaran bernikah dan tarikh akad nikah yang dirancang adalah di dalam tempoh tersebut ?**

Tidak, selaras dengan arahan Kerajaan bagi membendung penularan COVID-19, semua majlis akad nikah hendaklah dibuat selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir. Sebarang rayuan untuk mengadakan majlis akad nikah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak akan diterima demi menjaga maslahah semua pihak yang terlibat.

- 3. Saya akan bernikah menggunakan Wali Hakim dan tarikh akad nikah yang dirancang adalah di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua tempahan telah dibuat termasuk dewan bersanding, pakej berbulan madu dan sebagainya. Bolehkah majlis akad nikah tetap dilaksanakan pada tarikh tersebut ?**

Tidak, sebarang urusan majlis akad nikah termasuk menggunakan Wali Hakim hendaklah dibuat selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Pemohon boleh merujuk kepada Pejabat Agama Daerah yang mengeluarkan Kebenaran Berkahwin tersebut selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

- 4. Adakah permohonan kebenaran berkahwin boleh diuruskan seperti biasa oleh Pejabat Agama Daerah (PAD) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ? Saya telah membuat permohonan secara *online* dan sekiranya dibenarkan, saya ingin menghantar dokumen-dokumen secara *online* iaitu dengan cara scan dan e-mel sahaja kepada pihak PAD.**

Ya, urusan permohonan kebenaran berkahwin boleh dibuat secara *online* melalui laman sesawang <http://emunakahat.penang.gov.my>. Namun borang permohonan yang telah dicetak bersama dokumen-dokumen sokongan sebagaimana senarai semak boleh dikemukakan ke kaunter Pejabat Agama Daerah berkenan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Permohonan Kebenaran Berkahwin dikira lengkap selepas pihak pemohon dikehendaki membuat bayaran RM 5.00 untuk proses tersebut di Pejabat Agama Daerah berkenaan. Pihak kami hanya menerima dokumen asal atau salinan secara *hardcopy*. Oleh itu, dokumen secara *softcopy* seperti melalui e-mel dan sebagainya tidak dibenarkan.

- 5. Saya telah melangsungkan akad nikah sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bolehkah saya hadir ke PAD untuk mengambil sijil perakuan nikah saya ?**

Tidak. Semua urusan berkaitan Nikah, Cerai dan Ruju' ditutup sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sijil Perakuan Nikah hanya boleh diambil selepas PKP ditamatkan.

- 6. Adakah surat makluman akad nikah boleh digunakan selepas tamat tempoh tersebut kerana Pejabat Agama Daerah berkenaan masih ditutup.**

Ya, dibenarkan untuk menggunakan Surat Makluman Akad Nikah tersebut sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

- 7. Sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diteruskan, adakah majlis akad nikah boleh dijalankan di rumah ? Atau mungkinkah akad nikah secara *online* boleh dilakukan ?**

Tidak, semua majlis akad nikah sama ada secara *online* seperti *video conference* atau secara tertutup di rumah dan sebagainya tidak boleh dibuat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Semua majlis akad nikah hendaklah dibuat selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa

- 8. Jika surat kebenaran berkahwin saya telah tamat tempoh (*expired*), adakah saya perlu jalani proses permohonan semula? Bolehkah saya gunakan surat kebenaran sedia ada dengan dipindah tarikh akad nikah pada borang sahaja atau bagaimana ?**

Kebenaran Berkahwin yang telah tamat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini akan dilanjutkan (1) satu bulan bermula tarikh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir. Pemohon hendaklah hadir semula ke Pejabat Agama Daerah berkenaan untuk membuat penyambungan tempoh sah Kebenaran Berkahwin selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

- 9. Pihak mahkamah telah mensabitkan perceraian saya bersama pasangan. Pihak kami ingin meruju' semula. Bolehkah kami pergi Pejabat Agama Daerah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan untuk meruju' perkahwinan kami ?**

Pasangan yang ingin melafazkan ruju' boleh dipertimbangkan dan hendaklah menghubungi Pejabat Agama Daerah yang berdekatan. Namun, untuk urusan pendaftaran ruju' **DITANGGUHKAN** sehingga tamat PKP.